

B A B K E D U A

BAB KEDUA

ZAKAT PERTANIAN DALAM PERBINCANGAN FIQH

2.0 Pendahuluan

Hasil pertanian adalah salah satu daripada sumber harta yang diiktiraf oleh Islam. Sehubungan dengan itu kedudukan hasil pertanian menurut pandangan Islam adalah sama dengan sumber-sumber harta yang lain seperti emas dan perak¹, ternakan², harta rikaz dan harta perniagaan³. Lantaran itu kewajipan zakat yang ditetapkan ke atas harta-harta tersebut turut dikenakan ke atas hasil-hasil pertanian. Dalam al-Quran terdapat beberapa tempat yang dengan jelas menerangkan kewajipan ini. Di antaranya firman Allah yang berbunyi⁴:

﴿وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جِبِلًا مَعْرُوفَةً وَغَيْرَ مَعْرُوفَةً وَالنَّخْلَ
وَالرِّزْقَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالرِّيْسُونَ وَالرُّمَانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ
مُتَشَابِهٍ كُلُّوا مِنْ شَرِيفٍ إِذَا أَثْمَرَ وَعَاثَوْ حَقَّهُ وَيَوْمَ حَصَادِهِ
وَلَا شَرِيفٌ فَوْأً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُشْرِفِينَ﴾

Maksudnya:

“ Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebun yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa (bentuk dan warnanya), dan tidak sama (rasanya). Makanlah buahnya (yang bermacam-macam) itu bila ia berbuah, dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya dan keluarkanlah (haknya) zakat pada hari memetik atau menuainya dan janganlah kamu berlebih-lebih. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan. ”

Sebahagian ulama' seperti Anas ibn. Malik, al-Hasan, Ibn. 'Abbas, Thawūs, Ibn. Zayad, Abu Hanifah, Said al-Musayyib dan sebahagian pengikut al-Syafie dan Imam al-Syāfie menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan setiap hasil pertanian mempunyai bahagian-bahagiannya yang diwajibkan zakat⁵. Manakala sebahagian lagi para ulama' seperti 'Ali b. Husin, 'Ata', Hakam, Hamad, Sa'id bin Jaba'ir dan Majāhid tidak bersetuju dengan mengatakan ayat tersebut bukan membawa maksud bahawa semua hasil pertanian diwajibkan zakat⁶.

Kewajipan ini juga boleh dilihat melalui ayat⁷:

يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ عَامَثُوا أَنفُقُوا مِنْ طَبِيبَتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَتَمَمُوا الْحَسِيبَتِ مِنْهُ شُنْقُونَ وَلَسْتُمْ
بِتَاجِدِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ


Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian yang baik-baik dari hasil usaha kamu dari hasil yang kami keluarkan dari perut bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.⁸

Ayat 267 Surah al-Baqarah di atas secara umumnya memberi maksud sedekah kerana perkataan “تَنْفَعُونَ ” seperti mana yang dijelaskan oleh Ibnu Kathir⁹ manakala kewajipan zakat pertanian dalam ayat tersebut pula pada pandangan beliau adalah dinyatakan melalui melalui perkataan “مِنْ عِلِّيَّاتٍ مَا كَبِسْتَ ”. Manakala al-Qurtubi¹⁰ pula berpendapat perkataan “وَمَا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ” adalah menunjukkan kewajipan zakat pertanian seperti tamar, gandum, anggur kering, biji-bijian lain namun terkecuali daripada kewajipan tersebut adalah sayur-sayuran. Sementara al-Imam Fakhrurazi¹¹ pula dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat di atas secara zahirnya menunjukkan bahawa wajib di keluarkan zakat ke atas semua hasil yang diperolehi daripada usaha manusia seperti hasil perniagaan, emas perak, harta dan hasil-hasil pertanian. Beliau juga turut mengecualikan sayur-sayuran daripada kewajipan zakat pertanian.

Justeru itu daripada ketiga-tiga pandangan tersebut jelaslah bahawa ayat di atas walaupun tidak dinyatakan dengan detail tentang hasil-hasil pertanian yang diwajibkan zakat, namun ianya menjadi hujjah bahawa wujudnya kewajipan zakat ke atas hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh manusia.

Pensabitan kewajipan tersebut juga terdapat di dalam banyak sabda Rasulullah s.a.w. di antaranya ialah melalui hadith yang berbunyi¹² :

"فِيمَا سَقَتِ الْأَنْهَارُ وَالنَّمَاءُ : الْمَشْوُرُ وَفِيمَا سَقَى بِالسَّانِيَةِ نَصْفُ الْعَشُورِ"

" Tanaman – tanaman yang diairi oleh sungai dan hujan dikenakan satu persepuluh dan tanaman yang disiram dengan air yang menggunakan tenaga unta (haiwan) dikenakan satu perduapuluhan ".

Kedua-dua nas al-Quran dan Hadith tersebut menjelaskan bahawa setiap hasil pertanian mempunyai bahagian-bahagian tertentu yang diwajibkan zakat. Namun demikian masih wujud perselisihan di antara para ulama' berhubung dengan ayat di atas.

Perselisihan pendapat ini berpunca daripada maksud umum ayat yang tidak menjelaskan tentang kewajipan tersebut. Sungguhpun demikian keumuman tersebut telah ditakhsiskan oleh hadith di atas yang telah menghuraikan dan memperincikan maksud ayat. Ini kerana daripada maksud hadith secara zahirnya telah menunjukkan bahawa hasil-hasil pertanian yang telah diperolehi wajib dikeluarkan zakat mengikut kadar-kadar yang telah ditentukan. Seterusnya pandangan ini dikukuhkan lagi dengan Ijma'¹³ ulama' mengatakan hasil pertanian juga wajib dikeluarkan zakat malah jelas daripada ayat bahawa Allah menuntut supaya dikeluarkan *haq* (zakat) daripada hasil pertanian sebagai tanda kesyukuran hamba kepada Allah di atas nikmat yang telah dikurniakan¹⁴.

Perselisihan ulama' juga timbul berhubung masalah menetap dan mengkategorikan hasil pertanian yang diwajibkan zakat. Punca berlakunya perbezaan pendapat ini berlaku lantaran al-Quran tidak secara jelas menentukan jenis-jenis hasil-hasil pertanian yang wajib di keluarkan zakat. Justeru itu para ulama' melihat dua aspek utama dalam menentukan jenis-jenis hasil pertanian dengan melihat kepada *sebab ('illat)* di wajibkan zakat atau *zāt* (hasil sesuatu pertanian itu sendiri). Berhubung dengan persoalan ini secara umumnya terdapat tiga golongan ulama' yang mempunyai pendirian terhadap masalah ini. Pandangan pertama seperti Ibn. Umar dan sebahagian ulama' Syiah seperti Ahmad, Musa b. Thalhah, Hasan dan Ibn. Sirīn yang mensyaratkan kewajipan zakat tanaman adalah merangkumi buah-buahan dan biji-bijian umpamanya kurma, gandum, jagung dan anggur kering. Jadi, tidak boleh meletakkan kewajipan yang kepada selain daripada hasil-hasil tersebut sekalipun wujud persamaan dari aspek *zāt* dan *'illat*¹⁵. Ketetapan pandangan ini diasaskan kepada hasil-hasil tersebut telah diwajibkan zakat pada zaman Rasulullah s.a.w.¹⁶.

Golongan kedua yang terdiri daripada Imam al-Syāfi'ī dan Imam Malik pula menentukan beberapa syarat yang mewajibkan sesuatu hasil pertanian itu dikeluarkan zakat seperti mengenyangkan, tahan disimpan lama, kering dan menjadi makanan asasi sesebuah masyarakat¹⁷. Bukan sekadar malah disyaratkan juga tanaman-tanaman tersebut mestilah di tanam oleh manusia merangkumi biji-bijian

itu seperti barli, kacang putih, padi, kacang buncis, kacang kuda, sekoi, gandum, oat, rai dan seumpamanya¹⁸.

Sementara pandangan ketiga daripada Imam Ahmad bin Hanbal menetapkan tiga ciri untuk mensabitkan sesuatu hasil pertanian itu diwajibkan zakat iaitu boleh dikeringkan, boleh disukat atau digantangkan dan diusahakan oleh manusia¹⁹. Beliau juga tidak menentukan hasil-hasil pertanian yang diwajibkan zakat tetapi meletakkan pengecualian kepada dua jenis tanaman yang tidak diwajibkan zakat iaitu sayur-sayuran dan buah-buahan seperti timun, terung dan epal. Pengecualian ini berlaku kerana hasil-hasil pertanian tersebut tidak boleh memenuhi salah satu daripada syarat yang ditetapkannya iaitu tidak boleh dikeringkan malah jika dilakukan pengeringan ke atas hasil-hasil tersebut akan mengubah sifat asalnya²⁰.

Melihat kepada pandangan ini, Mujaini Tarimin berpendapat, timbulnya pandangan Imam Ahmad sedemikian adalah kerana beliau mengambil maksud umum daripada kedua-dua ayat sebelum ini iaitu surah al-An'am : 141 dan surah al-Baqarah : 267 yang tidak secara detail menyebut jenis-jenis hasil pertanian yang diwajibkan zakat²¹.

Pandangan terakhir yang ingin dibentangkan ialah daripada Imam Abu Hanifah. Mengikut beliau semua hasil pertanian diwajibkan zakat, syarat utama yang diletakkan olehnya ialah sesuatu hasil pertanian itu mestilah diusahakan dan dijaga

oleh manusia, hasil bumi yang boleh subur atau boleh disuburkan dengan kawalan. Jika menepati ciri-ciri ini maka kadar zakatnya adalah 1/10 atau 1/20 wajib dikeluarkan tanpa mengira jenis hasil pertanian samada sayur-sayuran, buah-buahan, biji-bijian kecuali kayu, candu dan rumput. Alasan yang dikemukakan oleh Abu Hanifah adalah kerana baginya hasil tersebut tidak dianggap subur pada pandangannya malah boleh menimbulkan kerosakan seperti candu, sedangkan syarat tersebut adalah menjadi keutamaan menurut pandangan ini. Selain itu mazhab ini juga turut tidak melihat syarat menjadi makanan asasi sebagai kewajipan zakat kepada sesuatu hasil pertanian.²²

Pandangan Abu Hanifah ini juga adalah berdasarkan keumuman ayat 267 al-Baqarah dan ayat 141 al-An'am yang tidak menjelaskan jenis-jenis cuma mestilah diusahakan dengan cara yang halal²³. Beliau turut menyatakan bahawa maksud daripada ayat tersebut juga tidak meletakkan syarat boleh disimpan lama²⁴, dari jenis yang mudah rosak atau dari jenis yang boleh tahan lama tanpa pengawet. Ini bermakna Abu Hanifah berpegang kepada maksud umum ayat itu sepenuhnya tanpa melihat sumber-sumber lain yang boleh mentaksiskan ayat tersebut.

Satu perbandingan boleh dilakukan dengan melihat kepada realiti hasil pertanian yang wujud di Malaysia khususnya dengan mengambil pandangan daripada keempat-empat pendapat tersebut. Kepelbagaiannya hasil pertanian yang diusahakan oleh para petani sebenar tidak dinafikan sebahagiannya adalah menjadi

sumber pendapatan dan kekayaan malah menjadi aset penumpulan harta hasil daripada jualan hasil-hasil pertanian yang diusahakan mereka. Justeru itu jika dilihat kepada realiti hari ini hampir semua hasil pertanian yang diusahakan boleh dikembangkan tidak kira samada sayur-sayuran dan buahan kerana ia boleh mendatangkan kemanfaatan kepada manusia. Malah lebih dari itu jika melihat kepada tujuan kewajipan zakat adalah untuk memelihara kemaslahatan yang lebih besar iaitu membantu golongan yang memerlukan seperti orang-orang miskin dan seumpamanya.

Jika kita hanya melihat kepada pandangan Imam Syafie sudah pasti hasil tanaman lain yang diusahakan di negara kita tidak dikenakan zakat kerana hanya padi sahaja yang menjadi makanan asasi. Jadi hasil-hasil daripada kelapa sawit, nanas, pisang, lada hitam dan lain-lain tanaman yang diusahakan oleh petani dan peladang di Malaysia tidak termasuk dalam tanaman yang di wajibkan zakat²⁵.

Berhubung dengan persoalan ini Prof. Dr. T.M. Hasbi Siddique²⁶ berpendapat ketetapan daripada pandangan Imam Syāfie dan Imam Ahmad sebenarnya tidak mempunyai asas hujjah yang kuat samada al-Quran, al- Sunnah, Ijma', *Qawl Sahābah* dan Qiyas. Beliau berpendapat berkemungkinan itu hanyalah pandangan mereka yang bersifat pandangan peribadi. Malah jika melihat kepada hadith yang ditujukan kepada Mu'az dan Abu Musa yang menetapkan hanya gandum, kurma,

anggur dan jagung sahaja yang diwajibkan zakat²⁷ akan menyebabkan padi juga tidak termasuk dalam kategori hasil pertanian.

Dalam pada itu al-Syawkāni dan Yusuf al-Qardhāwi menyifatkan hadith tersebut bersifat sedemikian kerana hanya tanaman tersebut sahaja yang ada di Yaman ketika Rasulullah s.a.w. mengutuskan Mu'az dan Abu Mūsa ke sana²⁸. Malah dari aspek kekuatan hadith tersebut juga dipertikaikan oleh Abu Hanifah kerana terdapat kecacatan padanya akibat terputus di antara sebahagian para perawinya²⁹.

Berhubung dengan persoalan untuk menentukan jenis-jenis hasil pertanian yang diwajibkan zakat, pandangan Abu Hanifah lebih realistik dan praktikal. Sekalipun jika dilihat beliau mewajibkan semua jenis hasil tanaman dikeluarkan zakat, namun syarat yang diletaknya berhubung dengan kewajipan tersebut juga adalah menepati syarat yang ditetapkan oleh *mazhab* Syāfiie adalah mestilah sesuatu tanaman tersebut diusahakan oleh manusia³⁰ malah beliau juga melihat kepada tujuan yang lebih besar iaitu hasil pertanian tersebut boleh dikembangkan sehingga menjadi sumber pendapatan³¹.

Pandangan beliau itu menepati realiti di Malaysia kerana lazimnya tanaman yang diusahakan untuk tujuan tersebut akan memberi hasil yang lumayan seperti kelapa sawit, koko, getah, kelapa dan lain-lain tanaman yang bersifat komersial.

Sehubungan dengan itu adalah tidak wajar dikenakan zakat ke atas hasil-hasil pertanian tersebut sedangkan berkemungkinan besar hasil-hasil daripada tanaman tersebut jauh lebih besar jika dibandingkan dengan hasil-hasil padi yang sudah sedia terlaksana zakatnya oleh para petani di negara ini. Sekalipun hasil pertanian itu tidak boleh disukat dengan gantang seperti mana yang dilakukan untuk menyukat padi, gandum dan biji-bijian lain malah kaedah zakat lain lain boleh dikenakan ke atas hasil-hasil tersebut umpamanya zakat pendapatan.

Pandangan Imam Abu Hanifah ini juga boleh disokong dengan keumuman maksud hadith riwayat Ahmad, Muslim, al-Nasa'i, Abu Da'ud dan Ibn Majah³² di mana Rasulullah hanya bersabda:

"فِيمَا سُقِّتَ السَّمَاءُ الْمُشَرُّ، وَفِيمَا سُقِّيَ بِالنَّصْحَ نُصْبَعُ الْعَشَرَ"

" Setiap tanaman yang dihujani wajib zakat 10 peratus dan yang diangkut 5 peratus "

Selain itu keumuman maksud hadith tersebut juga dikuatkan dengan al-Quran ayat 141 surah al-An'am dan al-Baqarah ayat 267 yang tidak menetapkan jenis-jenis tanaman yang diwajibkan zakat³³. Justeru itu berdasarkan kepada sifat umum kedua-dua nas tersebut umat Islam umumnya dan di Malaysia khususnya perlu melihat pandangan daripada *mazhab-mazhab* lain agar dapat meluaskan dan mengubah sikap terikat kepada satu-satu *mazhab* sahaja kerana terdapat hikmah

yang tersembunyi di sebalik perbezaan pendapat yang wujud di kalangan para ulama'. Selain itu ia dapat membantu melahirkan sesuatu hukum yang lebih adil kepada semua pihak khususnya dalam kewajipan zakat pertanian. Kelangsungan daripada perluasan konsep hasil pertanian yang diwajibkan zakat akan meletakkan keadilan kepada semua pengusaha tanaman yang bersifat komersial kerana tidaklah hanya para petani yang mengusahakan tanaman padi sahaja yang diwajibkan zakat.

2.1 Kaedah Penentuan *Nisāb*

Penentuan *nisab* adalah salah satu aspek penting dalam usaha untuk menentukan kadar minima bagi sesuatu hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Para ulama' tidak sepakat tentang kadar minima *nisab* hasil pertanian. Perbezaan ini wujud kerana berbezanya sumber hukum yang dipegang oleh mereka. Sehubungan dengan lahirnya berbagai-bagai pandangan yang membincangkan persoalan tersebut telah melahirkan sekurang-kurangnya tiga pandangan dalam menetapkan kadar minima bagi *nisab* pertanian. Pandangan pertama daripada Jumhūr, Sahābat, Tābi’īn, Ibn. ‘Umar, Jabir, Abu Imāmah, ‘Umar Abd. ‘Aziz, al-Hasan, ‘Ata’, al-Hakm, Malik, al-Thawri, al-Auza’i, Ibn. Abi Laila, al-Syafie, Abu Yūsuf, Muhammad dan al-Baqir³⁴. Mereka berpendapat bahawa kadar minima bagi zakat pertanian adalah 5 ausuq kerana berhujjah dengan hadith Sai’d al-Khudri³⁵.

"لِسْ فِيمَا دُونَ خَمْسَةً أَوْ سَقْ مِنْ تَرْوِلَاحْ صَدَقَةٌ"

"Tidak dikenakan zakat kepada tamar dan biji-bijian zakat jika kurang daripada 5 ausuq"³⁶.

Sementara satu lagi pandangan yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah³⁷, Ibrahim al-Nakhā'i, Mujāhid dan Hamad³⁸ menyatakan tidak ada kadar minima dalam menentukan nisab zakat pertanian. Golongan ini berhujjah dengan maksud umum daripada ayat 267 surah al-Baqarah³⁹ dan hadith riwayat Bukhari yang mensyaratkan 10 peratus zakat ke atas tanaman yang disirami hujan. Selain itu mereka juga mengqiaskan syarat *haul* yang ditetapkan ke atas harta-harta lain dengan zakat pertanian. Tujuan mereka melakukan demikian adalah kerana *haul* menjadi syarat minima dalam pengiraan nisab bagi harta-harta tersebut. Oleh kerana *haul* tidak disyaratkan dalam zakat pertanian maka mereka memutuskan bahawa tidak boleh diqiaskan wujudnya had minima bagi zakat pertanian. Justeru itu, zakat pertanian boleh dikenakan ke atas hasil-hasil pertanian tanpa mengira sedikit atau banyaknya zakat hasil pertanian yang diperolehi⁴⁰.

Abu Yūsuf dan Abu Sulaiman⁴¹ pula berhujjah dengan kedua-dua hadith iaitu hadith riwayat Abu Sa'id al-Khudri yang menetapkan kadar minima lima *ausuq* dan hadith riwayat Bukhari dari Salim menetapkan kadar 10 peratus daripada semua hasil pertanian yang disirami hujan. Golongan ini telah menerima kedua-dua hadith

tersebut dengan tujuan untuk mengenakan zakat ke atas semua hasil pertanian yang boleh disukat dengan gantang mahupun sebaliknya. Sehubungan dengan itu kadar minima lima *ausuq* boleh digunakan untuk hasil pertanian yang boleh disukat manakala hasil yang tidak boleh disukat tetap dikenakan zakat tanpa melihat kadar banyak atau sedikitnya sesuatu hasil pertanian.

Daripada ketiga-tiga pandangan di atas, pandangan daripada golongan kedua yang tidak mensyaratkan adanya had minima bagi zakat pertanian telah ditolak kerana tidak mengambil kira pandangan Ijma⁴². Pandangan ini turut disokong oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi⁴³ yang mensifatkan Imam Abu Hanifah telah mengambil sikap seolah-olah menolak kehujahan hadith *Sahih* riwayat Abu Sa'id al-Khudri yang mewajibkan zakat jika mencapai kadar 5 *ausuq*. Selain itu pandangan tersebut juga telah membelakangkan prinsip-prinsip *syari'at* yang hanya mewajibkan zakat ke atas orang kaya sahaja buka kepada semua petani termasuk yang berpendapatan rendah. Kadar 5 *ausuq* yang dimaksudkan itu juga mestilah segala hasil pertanian seperti padi yang telah dibersihkan dari tangkai dan kekotoran lain⁴⁴.

Melihat kepada hujjah yang dikemukakan oleh ketiga-tiga pandangan ulama' tersebut jelas menunjukkan wujudnya pertembungan penggunaan hujjah iaitu penggunaan hadith *am* (hadith riwayat Bukhari dari Salim bin Abdullah) dan hadith *sahih* yang mentaksiskan hadith *am* tersebut (hadith riwayat Sa'id al-Khudri). Justeru itu, untuk mengelakkan berlakunya pertembungan tersebut adalah lebih baik

mengambil jalan tengah dengan menggunakan kaedah tarjih iaitu menerima hadith yang memberi maksud lebih khusus⁴⁵.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah Yusuf al-Qardhāwī telah mengambil sikap dengan menerima pandangan yang mentarjih kedua-dua hadith iaitu di mana beliau telah menerima hadith yang memberi maksud yang lebih khusus. Dengan itu akan tercapailah hikmah pensyari'atan zakat itu sendiri yang hanya meletakkan beban kewajipan tersebut ke atas orang-orang kaya dan mampu mengeluarkan zakat tidak sebagaimana pendapat yang mewajibkan semua harta dikeluarkan zakat walaupun kadarnya sedikit⁴⁶.

2.2 Kadar Nisab Zakat Padi

Kadar 5 *ausuq* sebenarnya adalah kadar minima bagi keseluruhan hasil pertanian kecuali bagi zakat padi. Kadar *nisab* minima bagi padi berbeza kerana nisabnya dua kali ganda daripada kadar asal *nisab* hasil pertanian iaitu bermula dengan kadar minima 10 *ausuq*. Perbezaan ini berlaku kerana hasil pengelasan yang dilakukan oleh para ulama' terhadap jenis-jenis biji-bijian yang wajib dikeluarkan zakat.

Pengelasan ini adalah dengan melihat kategori kulit biji-bijian tersebut. Imam al-Nawāwi dan Abu al-Khattāb menyatakan bahawa⁴⁷ terdapat 3 jenis kulit biji-bijian yang termasuk dalam kategori hasil pertanian yang diwajibkan zakat iaitu:

- i. Kulit bijian yang tidak disimpan dan tidak dimakan. Kiraan *nisab* bagi tanaman jenis ini tidaklah termasuk kulit.
- ii. Kulit yang disimpan serta boleh dimakan jadi, kulit tersebut termasuk dalam kiraan *nisab*.
- iii. Kulit yang disimpan bersama-sama isinya tetapi tidak dimakan. Justeru dalam kategori ketiga kulit tidak dikira sebagai sebahagian daripada *nisab*.

Daripada pengelasan di atas padi termasuk dalam kumpulan yang ketiga yang mana kulitnya disimpan tetapi tidak dikira sebagai *nisab*.

2.2.1 Menggenapkan Jumlah Nisab

Kadar minima 5 *ausaq* bagi *nisab* hasil pertanian mudah dilaksanakan jika tanaman yang diusahakan adalah daripada satu jenis dan dituai dalam satu masa. Persoalan yang timbul adalah bagaimanakah kaedah pengiraan *nisab* bagi petani yang mengusahakan berbagai jenis tanaman dan diusahakan dalam masa dan di tempat yang berlainan. Berhubung dengan persoalan ini para ulama' Abu Hanifah, al-Syāfie, Ahmad dan lain-lain sepakat mengatakan tidak boleh dicampurkan harta yang berlainan jenis bagi menggenapkan kadar *nisab* seperti mencampurkan unta dengan kambing atau lembu, gandum dengan padi dan percampuran hasil tanaman lain yang berlainan jenis dalam mencukupkan kadar *nisab*⁴⁸.

Sungguhpun begitu para ulama' kecuali Imam al-Syafie sependapat dalam mengharuskan percampuran untuk mencukupkan kadar *nisab* di antara barang-barang perniagaan dengan wang. Alasan pengecualian Imam Syāfie dalam hal ini adalah kerana barang-barang perniagaan tidak sama jenis dengan wang sedangkan kiraan nisabnya adalah secara bersama⁴⁹.

Jumhur ulama' selain ulama Maliki menetapkan bahawa harus dicampurkan gandum dengan '*alas* (gandum kualiti rendah) kerana ia masih dalam kategori yang sama. Begitu juga halnya dengan mencampurkan gandum dari jenis yang berlainan seperti *sult* dengan *sya'ir* kerana kedua-duanya adalah dalam satu jenis⁵⁰. Daripada keterangan ini dapat difahami bahawa keharusan untuk menggenapkan atau mencukupkan kadar nisab hanya boleh dilakukan ke atas hasil pertanian yang sama jenis sahaja. Dengan itu keharusan tersebut sebenarnya boleh memudahkan para petani menghimpunkan semua hasil pertanian yang diusahakan menjadi satu jenis sekalipun berlainan warna, rasa, rupa, bentuk dan sifat seperti gandum dan barli. Ijma' ulama' mengatakan bahawa hasil pertanian daripada berlainan jenis tidak boleh dihimpunkan seperti anggur dan kurma⁵¹.

Melihat kepada keharusan ini sebenarnya boleh menyelesaikan permasalahan para petani di Malaysia yang mengusahakan berbagai-bagai jenis padi seperti berbagai jenis padi pulut yang berlainan rupa dan warna kerana amalan ini tidak bercanggah dengan keharusan tersebut. Pun begitu timbul persoalan lain yang

mempunyai kaitan dengan keharusan tersebut iaitu perbezaan waktu tanaman dan tuaian hasil-hasil pertanian. Dalam keharusan percampuran tersebut ditetapkan bahawa buah-buahan 1 tahun tidak boleh dicampurkan dengan tanaman lain bagi tahun yang sama untuk mencukupkan *nisab*. Namun, percampuran bagi buah-buahan boleh dilakukan untuk mencukupkan *nisab* sekalipun berbeza waktu tuaian, jenis dan cuaca⁵². Percampuran ini juga boleh dilakukan ke atas hasil tanaman (selain buah-buahan) samada sama atau berbeza waktu tanaman dan waktu tuaian⁵³.

Sehubungan dengan itu masalah berjauhan tempat tidak menjadi halangan dalam kaedah pengiraan *nisab* kerana setiap tanaman yang ditanam dalam musim atau tahun yang sama sekalipun berbeza waktu tuaianya boleh dihimpunkan dan dicampurkan untuk mencukupkan kiraan *nisab* sekalipun berjauhan⁵⁴. Jadi, tidak boleh menjadi alasan kepada para petani untuk mengelakkan zakat hasil pertanian mereka dengan alasan berlainan tempat tanaman mereka apatah lagi dalam zaman yang serba moden ini jarak tidak menjadi halangan usaha untuk merealisasikan pelaksanaan hukum *syara'*.

Rumusan yang dapat dibuat daripada perbahasan ini adalah bahawa penentuan *nisab* bagi zakat pertanian tidak berkait dengan tempoh tanaman (haul). Selain itu *nisab* zakat bagi hasil pertanian secara amnya bermula pada kadar 5 *ausuq* manakala bagi padi *nisab* minimanya bermula pada kadar 10 *ausuq*. Selain itu

percampuran hasil tanaman untuk mencukupkan nisab dibenarkan sekiranya hasil tersebut daripada satu jenis sekalipun berbeza rasa, warna dan rupa⁵⁵.

2.2.2 Nisab Tanpa Gantang

Penentuan *nisab* melalui kaedah sukatan gantang adalah satu kaedah yang telah dipersetujui oleh para ulama'. Namun tidak semua jenis hasil pertanian boleh ditentukan *nisab* melalui kaedah sukatan gantang kerana sifat tanaman yang berbeza. Justeru, dalam kes-kes sedemikian kaedah lain perlu digunakan sebagai satu kemudahan dalam menentukan nisab. Para ulama' tidak sependapat dalam penggunaan kaedah selain gantang. Al-Murtadha dalam hal ini mengatakan bahawa penentuan *nisab* pertanian tanpa gantang boleh disamakan dengan nisab harta perdagangan iaitu 200 *dirham*⁵⁶.

Ibn. Hanbal pula menyatakan bahawa penyelesaian kepada kiraan *nisab* seperti ini adalah dengan mengikut kiraan berat timbangan 5 ausuq yang menyamai 1600 kati Baghdad⁵⁷. Pandangan ini turut disokong oleh Imam Abu Yusuf dan Muhammad bin al Hasan. Golongan ini berhujjah dengan hadith Sa'id al - Khudri yang bermaksud:

لِسْ فِيمَا دُونَ خَمْسَةً أَوْ سَوْعَ

“Tidak diwajibkan zakat pertanian kecuali sampai 5 ausuq”⁵⁸.

Dalam menggunakan hadith tersebut sebagai hujjah untuk mengharuskan kaedah penentuan tanpa menggunakan gantang, Yusuf al-Qardhawi⁵⁹ menyatakan nas itu boleh dijadikan hujjah dengan memahaminya secara (tersirat). Ini kerana maksud hadith tersebut tidak secara tegas menyatakan kaedah penentuan *nisab* melalui gantang sahaja maka maksud secara tersirat boleh diambil kira dalam menyatakan sukatan tanpa gantang juga boleh digunakan dalam menentukan kadar *nisab* bagi sesuatu hasil tanaman.

Hasil daripada perluasan kaedah sukatan dapat membantu para petani untuk menentukan *nisab* dengan menggunakan kaedah timbangan mengikut kiraan tan, pikul dan sebagainya. Ini amat praktikal untuk menentukan *nisab* hasil pertanian seperti kelapa sawit, kayu, getah, koko, kelapa dan lain-lain lagi hasil pertanian lantaran hasil-hasil pertanian tersebut tidak termasuk dalam kategori tanaman-tanaman yang wajib dikeluarkan zakat. Ini bukanlah bermakna para petani boleh mengelakkan diri daripada kewajipan tersebut kerana zakat yang dikenakan dalam kes-kes tersebut adalah termasuk dalam kumpulan zakat perniagaan. Kaedah melalui timbangan akan memudahkan para petani menentukan nisab zakat mereka bagi hasil-hasil tersebut kerana nilai daripada timbangan tersebut boleh dilihat dari aspek harga minima bagi zakat perniagaan.

2.2.3 Menentukan Nisab Melalui Taksiran (*al - Khars*)

Al-Khars adalah anggaran secara *zanni* (sangkaan) dengan perantaraan lelaki yang ‘adil dan pakar dalam bidang tersebut. Kaedah ini berkemungkinan boleh digunakan oleh para petani jika kedua-dua kaedah sebelum ini tidak boleh dipraktikkan dalam menentukan *nisab* pertanian kerana luasnya Syari’at Islam. Amalan penetapan *nisab* melalui taksiran pernah dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w. kerana seorang sahabat baginda iaitu ‘Abdullah bin Rawāhah pernah menjadi penaksir zakat. Beliau telah dihantar untuk menaksir hasil kurma milik Yahudi Bani Khaibar. Proses menaksir tersebut dilakukan ketika hasil pertanian berada dalam tempoh matang.⁶⁰

Sekalipun terbukti kaedah taksiran telah wujud pada zaman Rasulullah s.a.w. namun para ulama’ tidak sependapat dalam penerimaannya. ‘Umar al- Khattāb, Sahal bin Abu Hathmāh, Marwan, al-Qasim, Ibn. Muhammad, al-Hasan, ‘Ata’, al- Zuhri, ‘Amru bin Dinar berbeza pendapat tentang persoalan ini. Di antara mereka ada yang menolak secara mutlak penggunaan kaedah tersebut, ada yang menerima dengan bersyarat dan menerima secara mutlak⁶¹, sementara itu ‘Abd. Karim bin Abu al-Makhriq, Malik, Syāfie, Abu ‘Ubaid, Abu Thūr dan lain-lain lagi mengharuskan kaedah tersebut digunakan dalam keadaan-keadaan yang memerlukan pelaksanaannya⁶².

Berbeza pula dengan Abu Hanifah⁶³ dan al-Syī'ābi⁶⁴ yang tidak menerima malah menyatakan amalan tersebut sebagai *bid'ah*. Alasan penolakan ulama' *mazhab* Hanafi tentang penggunaan kaedah tersebut adalah kerana tekaan dan anggaran tidak boleh melahirkan hukum⁶⁵. Jumhūr ulama'⁶⁶ pula memutuskan bahawa sunat menggunakan kaedah tersebut dalam menentukan *nisab* ke atas kurma dan buah anggur tetapi tidak disunatkan ke atas buah-buahan lain seperti buah zaitun dan sebagainya. Proses anggaran dilakukan semasa buah sudah masak dan sesuai untuk dipetik.

Berdasarkan perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa para ulama' tidak sepakat dalam menerima kaedah taksiran sebagai salah satu kaedah dalam menentukan *nisab* zakat. Di antara mereka ada yang menerima tanpa syarat, menerima dengan syarat dan menolak secara mutlak. Namun demikian dengan melihat kepada kemaslahatan terhadap para petani kaedah tersebut boleh digunakan jika memerlukan malah tersebut menjadi sunat mengikut pendapat Syāfie⁶⁷.

Penerimaannya adalah dengan melihat kemaslahatan yang lebih besar kepada umat Islam kerana ia dapat membantu memudahkan pengiraan *nisab* zakat pertanian sekiranya tiada kaedah lain sedangkan kewajipan mengeluarkan zakat tidak boleh diabaikan jika sudah melebihi kadar yang ditetapkan. Pendapat yang lebih tegas daripada al-Mawardi menyatakan kaedah taksiran boleh diterima pakai malah boleh

menjadi wajib jika terlalu memerlukan untuk memastikan kewajipan zakat tertunai sedangkan tiada kaedah lain yang boleh digunakan⁶⁸.

Daripada pendapat-pendapat para ulama' berhubung persoalan ini, tidak boleh dinafikan bahawa kaedah tersebut boleh dilaksanakan dalam keadaan yang memerlukan apatah lagi untuk memastikan kewajipan zakat terlaksana kepada para petani yang sudah mencapai kemampuan sebagai pengeluar zakat. Sementara itu pandangan yang tidak menerima kaedah ini dilihat sebagai golongan yang teliti dan berhati-hati dalam menerima sesuatu kaedah yang hanya bersifat sangkaan semata-mata.

Sungguhpun demikian sikap teliti dalam menentukan nisab zakat juga perlu diberi perhatian namun sekiranya sikap tersebut boleh menyebabkan terhalangnya pelaksanaan sesuatu kewajipan maka perlu jalan tengah yang boleh meletakkan hukum pada tempat yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu amat sesuai jika kita menerima pandangan golongan yang menerima penggunaan kaedah tersebut dengan melihat kepada situasi dan keperluannya. Lagipun ianya perlu diambil kira bagi memastikan kewajipan zakat terlaksana ke atas golongan yang mampu berbuat demikian. Selain itu sejarah juga telah membuktikan bahawa amalan tersebut pernah dipraktikkan semasa Rasullullah s.a.w. masih hidup dan jika ianya menyalahi *syara'* sudah pasti wujud tegahan daripada baginda malah sebaliknya baginda juga pernah

mengutus ‘Abdullah bin Rawāḥah untuk menaksir hasil kurma Yahudi bani Khaibar.⁶⁹

Meskipun dengan melihat kepada *maslahah* umum penggunaan kaedah taksiran dalam menentukan nisab hasil pertanian boleh dipraktikkan tidak dinafikan akan timbul kesukaran dari aspek pelaksanaannya khususnya dalam menentukan *nisab* padi. Ini kerana dengan kemajuan sektor pertanian hasil padi yang dituai akan terus dimasukkan ke dalam guni atau terus dimuatkan ke dalam lori seterusnya dibawa ke kilang dan pusat-pusat jualan berbanding dengan kaedah pertanian tradisional⁷⁰. Selain itu syarat penaksir juga mungkin terlalu sukar untuk ditemui seperti disyaratkan mencapai taraf *mujtahid*, ‘adil, tidak *fāsiq* dan tidak *khianat*⁷¹.

2.3 Kadar Zakat Pertanian

Pada asasnya kadar zakat pertanian yang diwajibkan ke atas para petani berkait rapat dengan sistem pengairan ke ladang-ladang. Oleh itu kadar zakat turut berbeza dengan perbezaan sistem pengairan tersebut. Umumnya terdapat 3 bentuk kadar zakat yang telah ditetapkan ke atas hasil pertanian mengikut perbezaan tersebut iaitu 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus daripada hasil pertanian. Ketetapan ini adalah berasaskan kepada dua hadith Rasulullah s.a.w. :

"فيما سقت السماء والعيون أو كان عشرياً العشر، وفيما سقى بالنضح نصف"

" Tanaman yang mendapat air dari langit dan mata air atau yang disiram oleh hujan hendaklah dikeluarkan 'usyur (satu persepuuh) dan pada tanaman yang disirami (dijirus) dikenakan nisfal - 'usyur (satu perdua puluh)⁷² ".

"فيما سقت الاهار والغيم: العشور، وفيما سقى بالسانبة نصف العشر "

" Tanaman yang disiram oleh sungai dan hujan dikenakan 'usyur (satu persepuuh) dan tanaman yang disiram dengan air yang memakai tenaga unta (binatang) adalah dikenakan nisfal 'usyur (satu perdua puluh)⁷³ ".

Para ulama' telah bersepakat bahawa kadar 10 peratus (*al - 'Usyur*) dikenakan bagi hasil pertanian yang diperolehi tanpa menggunakan kos penyelenggaraan yang tinggi seperti tanaman yang disiram dengan air hujan serta mendapat air sendiri daripada sumber bekalan berdekatan. Oleh itu kadar zakat yang dikenakan adalah tinggi kerana tidak banyak modal yang digunakan untuk mengusahakan tanah tersebut⁷⁴. Manakala bagi hasil pertanian yang menggunakan kos guna tenaga yang tinggi untuk pengairan seperti menggunakan tenaga manusia, jentera atau binatang maka kadar zakat yang wajib ditetapkan sebanyak 5 peratus (*nisfal 'usyur*)⁷⁵.

Selain itu menurut Imam Malik, Syāfie dan para ulama' Iraq⁷⁶ sekiranya sesuatu tanah pertanian diusahakan dengan kadar 50 peratus – 50 peratus⁷⁷ pengairan maka kadar zakatnya adalah 7.5 peratus (*thalāthah arba' al-Usyur*). Kadar ini adalah bersesuaian kerana guna tenaga berada pada peringkat sederhana. Oleh itu dengan mengambil kira wujudnya sedikit bebanan maka kadar tersebut bersesuaian dengan modal yang dikeluarkan berbanding kaedah pertama yang tidak banyak menggunakan kos semasa penyelenggaraan tanah pertanian dan kaedah kedua yang banyak menggunakan tenaga dan kos penyelenggaraan sesebuah tanah pertanian yang diusahakan.

Penentuan kadar bagi zakat pertanian sebenarnya banyak bergantung kepada jenis pengairan dan kos guna tenaga sepanjang mengusahakan sesebuah tanah pertanian. Sebagai contoh tanah pertanian yang diairi oleh air hujan, air mata, air bukit atau air yang mengalir ke tanah, air resapan secara semulajadi daripada sumber air berdekatan dianggap tidak memerlukan kos yang banyak⁷⁸.

Oleh itu sewajarnyalah kadar zakat yang dikenakan adalah lebih tinggi iaitu 10 peratus berbanding tanah-tanah yang diusahakan dengan menggunakan modal yang banyak. Pendapat ini dipelopori oleh 'Ata', al-Thawri, Abu Hanifah, Imam Syāfie dan Ahmad⁷⁹.

Melihat kepada ketetapan kadar zakat tersebut kita dapat melihat wujudnya konsep keadilan kepada para pengusaha tanah pertanian. Kadar zakat yang tinggi dikenakan kepada para petani yang meletakkan pergantungan kepada sumber pangairan yang asli serta tidak banyak menggunakan modal untuk mengusahakan tanah. Manakala bagi para petani yang menggunakan sumber guna tenaga yang tinggi dikenakan zakat yang rendah lantaran telah banyak modal dan kepayahan yang telah dilalui sepanjang mengusahakan tanah pertaniannya.

Sungguhpun begitu kadar zakat 10 peratus daripada hasil padi yang dikenakan kepada para petani yang menggunakan jentera untuk mengalirkan air daripada talair ke sawah-sawah sewajarnya dinilai semula oleh para ulama' dan pihak-pihak berkaitan seperti institusi fatwa dan seumpamanya.. Ini kerana lazimnya bukan sedikit kos yang terpaksa ditanggung oleh para petani untuk membeli jentera tersebut untuk tujuan berkenaan. Jadi tidak dapat dinafikan wujudnya satu bentuk pelaburan kos dan tenaga oleh para petani agar tanah-tanah sawah yang diusahakan benar-benar diairi dengan sempurna.

2. 4 Kaedah Pembayaran Zakat

Ketetapan mengenai golongan yang berhak menerima zakat telah jelas di dalam al - Quran dari surah al - Taubah : 60 yang berbunyi :

* إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَدِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ

قُلُوبُهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ وَالْغُرْبِ مِنْ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَى السَّبِيلَ فَرِيقَةً

مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

“ Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang musafir (yang keputusan wang) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu) ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Daripada maksud ayat di atas jelas menunjukkan golongan yang berhak menerima zakat telah ditentukan oleh Allah iaitu golongan fakir, orang-orang miskin, ‘amil-‘amil yang menguruskan zakat, orang-orang muallaf, hamba-hamba yang mahu memerdekaan diri mereka, orang-orang yang berhutang, untuk dibelanjakan *fi-Sabilillah* dan orang-orang musafir yang terputus sumber kewangan⁸⁰. Sehubungan dengan itu sewajarnya ketetapan tersebut wajib diikuti dan tidak boleh menambah mahupun mengurangkan bilangan *asnāf*. Walaupun begitu perbincangan ini tidak akan menumpukan secara detail kepada setiap *asnāf* tersebut tetapi hanya akan melihat sejauhmanakah ketetapan tersebut diikuti lantaran wujudnya amalan memberikan zakat kepada selain *asnāf-asnāf* tersebut dan di atas dasar apakah wujudnya amalan sedemikian.

Berhubung dengan persoalan ini para ulama' tidak sependapat dalam membenarkan wujudnya golongan lain yang berhak menerima zakat selain *asnāf*-*asnāf* yang ditetapkan. *Jumhūr fuqahā'*⁸¹ telah menetapkan bahawa tidak diharuskan membayar atau mengagihkan zakat kepada selain daripada lapan *asnāf* yang telah ditetapkan. Oleh itu memberi zakat untuk pembinaan masjid, pembinaan jambatan, paip air (perigi), mengorek sungai, membaiki jalanraya, mengebumikan mayat, membayar hutang, menyediakan kemudahan untuk tetamu, mengadakan persediaan-persediaan untuk berjihad dan semua perbuatan-perbuatan kebajikan adalah tidak termasuk dalam *asnāf* zakat. Pendapat ini juga turut dipersetujui oleh Imam Syāfiie⁸² yang menetapkan bahawa hanya lapan *asnāf* itu sahaja yang layak untuk menerima zakat.

Namun demikian al - Kasani menyatakan zakat boleh diberikan kepada selain daripada lapan *asnāf* yang disebut di dalam al-Quran kerana melihat kepada perluasan pengertian konsep ﷺ dalam ayat 60 surah al-Taubah.

Berdasarkan perluasan maksud tersebut maka semua perkara yang menunjukkan usaha-usaha untuk menghampirkan diri kepada Allah dianggap sebagai kebajikan. Jadi dapat dilihat di sini betapa luasnya luasnya konsep *fi-Sabilillah*. Sehubungan dengan itu sebahagian daripada ulama' *mazhab* Hanafi mentafsirkan bahawa penuntut ilmu juga berhak mendapat zakat sekalipun ianya kaya⁸³.

Namun demikian konsep perluasan maksud *fi-Sabīlillah* ini tidak diterima oleh Imam Malik kerana baginya maksud *fi-Sabīlillah* dalam ayat tersebut hanyalah peperangan⁸⁴. Walauapun jika dilihat kepada realiti semasa maka pandangan yang dikemukakan oleh al-Kāṣānī dengan mengharuskan pemberian zakat kepada selain *asnāf* yang ditetapkan dengan meluaskan konsep *fi-Sabīlillah* adalah sangat sesuai. Ini kerana jika dilihat dengan lebih mendalam kepada keharusan tersebut sebenarnya tidak terpesong daripada tujuan pensyairatan zakat itu sendiri yang bertujuan memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. Justeru itu melihat kepada matlamat tersebut maka semua perkara yang bertujuan untuk kebajikan yang akan memberi kebaikan kepada Islam dan para penganutnya termasuklah dalam kategori tersebut.

2.5 Kewajipan Pelaksanaan Zakat

Perbezaan pandangan ulama' juga berlaku dalam persoalan pelaksanaan kewajipan zakat samada ianya bergantung kepada '*ain* (harta-harta yang diwajibkan zakat) atau pada *zimmah* (tanggungan kewajipan itu sendiri). Penulis tidak bercadang untuk membincangkan topik ini secara terperinci tetapi sekadar melihat kaitannya dengan kaedah pembayaran zakat melalui nilai dan benda-benda yang diwajibkan zakat itu sendiri. Berhubung dengan persoalan ini terdapat dua⁸⁵ pandangan *fuqahā'* yang mempunyai pandangan dan hujjah-hujjah yang tersendiri. Menurut golongan pertama yang terdiri daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Imam Syāfiie dalam Qaul Jadidnya mengatakan bahawa zakat diwajibkan pada barang (

'ain) bukan pada tanggungan. Jadi sekiranya barang yang wajib dizakatkan telah rosak maka gugurlah kewajipan tersebut.

Manakala ulama' *mazhab* Hanbali mengatakan bahawa kewajipan zakat bergantung kepada *zimmah*. Oleh itu jika sekiranya telah cukup *haul* maka zakat diwajibkan sekalipun kewajipan tersebut merupakan penagguhan daripada kewajipan yang terdahulu. Berhubung kerana *mazhab* Syâfi'e yang meletakkan kewajipan zakat bergantung kepada 'ain itu sendiri maka pemilik harta zakat tidak boleh menjual harta yang telah diwajibkan zakat tanpa keizinan daripada penerima zakat dengan alasan harta tersebut telah dikongsi bersama (antara pengeluar dan penerima zakat). Justeru itu penjualan tersebut juga menjadi tidak sah sekadar nilai harta yang mencapai kadar zakat sahaja⁸⁶.

Ini bermakna semua harta seperti buah tamar, biji-bijian, haiwan ternakan, emas dan perak dan lain-lain harta yang diwajibkan zakat tidak boleh dijual untuk digantikan dengan nilai semasa penyerahan zakat. Berbeza pula dengan pandangan daripada *mazhab* Hanafi dan Hanbali yang mengharuskan penjualan harta zakat dengan syarat penjualan tersebut diambil kira sebagai membayar ganti rugi daripada bahagian kadar yang wajib dikeluarkan zakat atau dalam kata lain memberikan zakat dalam bentuk nilai harta zakat⁸⁷.

Pendapat ini dipelopori oleh Abu Hanifah, Muhammad Hassan dan Abu Yusuf⁸⁸ yang mengharuskan pembayaran zakat dengan nilai (harga) samada zakat ‘*usyūr*, *kharāj*, zakat fitrah, *nazar* dan *kifarat*. Pun begitu satu syarat yang perlu dipatuhi ialah nilai tersebut mestilah sama dengan nilai harta tersebut pada masa zakat dikeluarkan dan harga itu mestilah dinilai mengikut kedudukan harga semasa di mana harta itu berada. Keharusan ini diasaskan kepada alasan bahawa nilai tersebut juga adalah harta malah ianya lebih mudah untuk diserahkan kepada penerima zakat dan memudahkan mereka menguruskannya.

Manakala *Jumhūr*⁸⁹ pula mengatakan tidak sah mengeluarkan nilai (*qimah*) sesuatu kepada barang yang dikeluarkan zakat. Alasannya ialah kerana zakat tersebut adalah hak Allah yang telah ditetapkan secara nas ke atas barang-barang yang diwajibkan zakat. Mereka mengkiaskan pandangan itu dengan masalah korban yang diwajibkan ke atas haiwan tidak boleh dipindahkan atau digantikan dengan nilai haiwan korban tersebut. Oleh kerana kewajipan zakat adalah satu jalan mendekatkan diri kepada Allah, seharusnya ianya dilaksanakan mengikut ketetapan daripadanya. Golongan ini berhujjah kepada sabda Rasulullah s.a.w.:

في أربعين شاة، وفي ماتي درهم خمسة دراهم

“ Bagi 40 ekor biri-biri (kambing) hendaklah dikeluarkan seekor. Bagi 200 dirham dikeluarkan lima dirham⁹⁰”

Hadith di atas telah menjelaskan maksud firman Allah yang umum melalui ayat . واتوا الزكاة . Oleh itu biri-biri yang diperintahkan itu adalah zakat dan mengikut

kaedah perintah tersebut menunjukkan wajib dikeluarkan zakat dengan biri-biri bukannya nilai biri-biri tersebut. Satu lagi hujjah yang kuat bagi golongan ini adalah sabda Nabi s.a.w. kepada Mu'az ketika mengutus beliau ke Yaman sebagai gabenor dengan sabdanya:

"خذ الحب من الحب، والشاة من الغنم، والبعير من الأبل، والبقرة من البقر"

"Ambillah biji-bijian daripada biji-bijian, kambing daripada kambing, unta daripada unta dan lembu daripada lembu."⁹¹"

Kedua-dua hadith di atas dengan jelas menunjukkan bahawa kewajipan zakat mestilah ditunaikan dengan harta zakat ('ain) bukannya dengannya nilai (qimah) bagi harta-harta zakat tersebut. Jelaslah terdapat dua pandangan fuqaha' iaitu golongan yang mewajibkan pengeluaran zakat dengan 'ain (harta yang wajib dizakati) dan mengeluarkan dengan harga harta-harta yang dikeluarkan zakat. Di antara kedua-dua pendapat ini pandangan yang paling *rājiḥ*⁹² adalah daripada ulama' Hanafi yang mengharuskan zakat dibayar dalam bentuk harga kerana matlamat pensyari'atan zakat itu sendiri adalah untuk membantu dan mengayakan golongan fakir serta memudahkan menyelesaikan keperluan mereka. Matlamat ini juga akan tercapai jika pembayaran zakat dilakukan melalui harga malah kaedah itu lebih

bertepatan dengan realiti semasa dan mudah dilaksanakan berbanding mengeluarkan dengan harta itu yang akan membebankan para penerima zakat kerana perlu menjualnya semula untuk mendapatkan wang daripada harta-harta zakat tersebut.

2.6 Kesimpulan

Perbincangan lalu telah membuktikan bahawa sekalipun kewajipan zakat pertanian adalah bersifat *Qathe'i* namun para *fugahā'* berbeza pendapat dari sudut pelaksanaannya. Perbezaan tersebut sebenarnya merupakan hikmah kepada umat Islam khususnya memberi ruang untuk mengikut pendapat-pendapat yang lebih menepati realiti semasa khususnya dalam melaksanakan ibadah zakat. Sehubungan dengan itu para ulama' dan pihak-pihak yang berkaitan dengan institusi zakat khususnya menilai semula perkara-perkara yang diperselisihan kerana mungkin di sana terdapat ruang yang boleh membantu umat Islam menuaikan ibadat dengan lebih sempurna.

NOTA HUJUNG

¹ Al-Taubah : 103. Lihat juga Ibn. Kathir, t.t., **Tafsir Ibn. Kathir**, Mesir, al – Maktabah al – Tijariyah al – Kubra, Vol. 3, hlm. 350

² Yaasin : 71 –73, Lihat juga al-Qardhawi berpendapat perkataan “ افلا يشكرون ” dalam ayat adalah bermaksud zakat binatang ternakan. Lihat dalam al-Qardhawi, 1994, **Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li – Ahkāmiha wa – Falsafatihā fi Dhaw’ al – Quran wa al – Sunnah**, al-Qahirah : Maktabah Wahbah, Jil. 1, cet. 21, hlm. 168

³ Al-Baqarah : 267. “ *Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian yang baik-baik dari hasil usaha kamu dan hasil kamu keluarkan dari bumi* ”. Dalam Abu Ya’la, 1356H, **al-Ahkām al-Sulthaniyyah**, Mesir, Mustafa al-Babi al-Halabi, cte. 2, hlm. 100. Lihat juga Ibn. Qudamah, 1972, **al-Mughni**, Mesir, Dar al- Kitab al – ‘Arabi, Vol. 2, hlm. 580 Lihat juga al-Tabari, 1968., **Tafsir al-Tabari**, Mesir, Mustafa al – Babi al-Halabi, Vol. 5, hlm. 558 Lihat juga hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “ *Adapun sesudah Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada kita mengeluarkan zakat barang-barang perniagaan* ”. Lihat juga Abu Da’ud, 1952, **Sunan Abi Da’ud**, al- Qahirah, : Mustafa al-Halabi, Vol. 1, hlm. 357

⁴ Al - An'am : 141

⁵ Al-Qurtubi, 1967, **Tafsir al-Qurtubi**, Mesir : Dar al-Kitab , Vol. 6, hlm. 99. Lihat juga al-Kasani, hlm. 926

⁶ Ibid

⁷ Al – Baqarah: 267

⁸ Ibn. Kathir, op.cit, Vol. 1, hlm. 321

⁹ Ibn. Kathir, ibid

¹⁰ Al-Qurtubi, t.t., **al-Jāmi' li Ahkām al-Quran li Abi 'Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi**, Lubnan : Dar Ihya al-Turah, Juz. 3, hlm. 321-322

¹¹ Fakhrurazi, t.t., **Tafsir al-Kabīr li Imam al-Fakhrurazi**, Tehran, Dar al-'Ilmiah, Juz. 7, cet. 2, hlm. 61

¹² Rawahu Ahmad, Muslim, Nasa'i dan Abu Daud dalam al-Syawkāni, 1973, **Nayl al-Authar Syarh Muntaqa al-Akhbar**, Beirut, Mu'assasat Tarikh al-'Arabi, Juz. 4, hlm. 157

¹³ Al-Kasani, t.t., **Bada'i al-Sana'i**, Kaherah, Zakariya 'Ali Yusuf, hlm. 926

¹⁴ Mujaini Tarimin, 1990, **Zakat Pertanian : Sistem dan Pelaksanaannya**, Kuala Lumpur, DBP, hlm. 19

¹⁵ Ibn. 'Umar dan sebahagian daripada ulama' Syi'ah dan Salaf seperti Ahmad, Musa b. Thalhah, Hasan, Ibn. Sirin dan lain-lain. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 510. Lihat juga, al-Qardhawi, op.cit, hlm. 349. al-Maghniyyah, 1965, **Fiqh al-Imam al-Ja'far al-Sadiq**, Beirut : Dar al-'Ilm, Vol. 2, hlm. 78

¹⁶ Al-Syawkāni, **Nayl al-Authar**, op.cit, Vol.4, hlm. 205: Hadith Rasulullah s.a.w. kepada Mu'adh dan Abu Musa yang menjelaskan zakat hanya pada gandum, kurma dan anggur kemudian ditambah oleh Ibn. Majah jagung juga turut diwajibkan zakat.

¹⁷ Malik, t.t., **al-Muwatta'**, Mesir, hlm. 186. Lihat juga al-Syafie, 1973, **al-Umm**, Beirut : Dal al-Ma'arif, Vol. 2, hlm. 34 -35

¹⁸ Al-Suyuti, t.t., **al-Asybah wa al-Naza'ir**, Mesir : Isa al-Halabi, hlm. 471

¹⁹ Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 549

²⁰ Ibid

²¹ Mujaini Tarimin, op.cit,hlm. 20

²² Al-Marghiyani, t.t., **al-Hidayah**, Mesir : Mustafa al-babi al-Halabi, Vol. 1, hlm. 109.Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhaily, 1997, **al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuhu**, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, Jil. 3, hlm. 1882.

²³ Al-Nafasi, t.t., **Tafsir al-Nafasi**, Mesir : Isa al-Halabi, Vol. 1, hlm. 135. Lihat juga Ibn. Humam, 1970, **Syarh Fath al-Qadir**, Mesir : Musa al-Halabi, Vol. 2, hlm. 243

²⁴ Al-Kasani, op.cit, Vol. 1, hlm. 59

²⁵ Mujaini Tarimin, op.cit, hlm. 22

²⁶ Ash Shiddieqy, 1989, **Pedoman Zakat**, Selangor, hlm. 112

²⁷ Al-Syawkani, **Nayl al-Authār**, op.cit, Vol. 4, hlm. 205

²⁸ Ibid, hlm. 201. Yusuf al-Qardhawi, op. cit, hlm. 357

²⁹ Yusuf al-Qardhawi, ibid, hlm. 355-356.

³⁰ Al-Syirazi, 1976, **al-Muhadhdhab fi Fiqh al - Imam al-Syafie**, Mesir : Mustafa al- Babi al-Halabi, Jil. 1, hlm. 156 dan seterusnya. Lihat juga al-Syrbini, t.t., **Mughni al-Muhtaj**, Mesir : al-Maktabat al-Islamiyah, Jil. 1, hlm. 381 dan seterusnya.

³¹ Al-Kasani, op.cit, Jil. 2, hlm. 57-63

³² Al-Syawkani, op.cit, hlm. 59

³³ Ibn. Kathir, **Tafsir Ibn. Kathir**, op.cit, hlm. 320

³⁴ Ibn. Qudāmah, **al-Mughni**, op.cit, Jil. 2, hlm. 695

³⁵ Ibid. al-Maghniyah, 1965, **Fiqh al - Imam al - Ja'far al-Sadiq**. Dar al - 'Ilm, Beirut, Vol. II, hlm. 78. Lihat juga Ibn. Rushd, 1981, **Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid**, Beirut : Dar al-Ma'rifah, Jil. 1, hlm. 266

³⁶ Hadith riwayat Muslim dan al-Nasa'i, Ibn. Hajar al- 'Asqalani, 1979, Ahmad bin 'Ali, **Talhīs al-Habir**, Al-Azhariyyah, Mesir, vol. 3, hlm. 179

³⁷ Al-Kasani, **al-Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i**, op.cit, jil. 2, hlm. 59. Lihat juga al-Syawkani, 1973, **Fath al-Qadir : al-Jami' bayna al - Riwayah wa -al- dirayah min 'ilm al-Tafsir**, Mesir : Mustafa al- Babi al - Halabi, Jil. 2, hlm. 2

³⁸ Al-Sya'rani, 1932, **al-Mizan al-Kubra**, Mesir, Mustafa al-Babi al-Halabi, Sa'idiyah, Vol. II, hlm. 6. Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 695

³⁹ " Wahai orang-orang yang beriman ! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dai bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa terpuji ".

⁴⁰ Ibn. Humam, 1970, **Syarh Fath al-Qadir**, Mesir, Mustafa al-Halabi, Vol. II, hlm. 3. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 554, Yahya Adam, 1384, **al-Kharaj**, Mesir, Maktabah al-Salafiyah, hlm. 140

⁴¹ Ibn. Hazm, 1988, **al-Muhalli**, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Vol. 5, hlm. 112

⁴² Al-Sya'rani, op.cit. hlm. 6

⁴³ Yusuf al-Qardhawi, op. cit, hlm. 362-363

⁴⁴ Ibn. Qudāmah, op. cit, jil. 2, hlm. 696

⁴⁵ Badran, t.t., **Adillah al-Tashri' al-Muta'ridah wa al-Tarjih Bainaha**, Iskandariyah, Mu'assasah al-Shabab al-Jam'iyyah, hlm. 77. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 554. Lihat juga Ibn. Rushd., op.cit, hlm. 257

⁴⁶ Yusuf al-Qardhawi, op.cit, hlm. 362-363

⁴⁷ Al-Nawāwi, 1972, **al- Majmu'**, Mesir, Dar al - 'Ulum, Vol. 5, hlm. 447. Lihat juga Ibn.Qudamah, op.cit, hlm. 696-697. Lihat juga al-Jaziri, t.t., **al-Fiqh 'ala al-Madhabib al-'Arba'ah**, Beirut : Dar al-Fikr al-'Arabi. Lihat juga al-Ramli, 1993, **Nihayah al-Muhtaj fi Fiqh 'ala Madhab Imam al-Syafie**, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Jil. 3, hlm. 73.

⁴⁸ Ibn.Rushd, op.cit, hlm. 266

⁴⁹ Ibn. Qudāmah, op.cit, Jil. 2, hlm. 730

⁵⁰ Al- Jaziri, op.cit, Jil.1, hlm. 618-620. Lihat juga Ibn. Rushd., op.cit, Jil.1, hlm. 267. Lihat juga Al-Ramli, op.cit, Jil. 3, hlm. 74-75. Lihat juga dalam Wahbah al-Zuhaili, **al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu**, op.cit, Juz. 3, hlm. 1896 – 1897

⁵¹ Ibn. Hajar al-Haitami, 1938, **Tuhfat al – Muhtaj bi Syarh al-Minhāj**, Mesir, al-Yamaniyah, 1315 H, Vol. III, hlm. 248 – 249. Lihat juga Abu 'Ubaid, **al – Amwal**, 1968, Mesir, al-Azhariyah, hlm. 638 – 639, al - Nawawi, op. cit, hlm. 476.

⁵² Al-Nawāwi, ibid, hlm. 443. Lihat juga al-Syirāzi, op.cit, Jil. 1, hlm. 157. Lihat juga al-Syirbini, t.t., **Mughni al – Muhtaj ila Ma'rifat Ma'anī Alfaz al-Minhāj**, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Jil. 1, hlm. 384

⁵³ Ibn. Qudāmah, op. cit, Jil. 2, hlm. 730 dan seterusnya

-
- ⁵⁴ Al-Syirazi, t.t., **al-Tanbih fi al-Fiqh 'ala Madhab al-Imam al-Syafie**, al - Mahrusah, hlm. 54
- ⁵⁵ Al-Ansari, 1948, **Fath al-Wahhab bi Syarh Minhaj al-Tullab**, Mesir : Mustafa al Halabi, Vol. I, hlm. 107
- ⁵⁶ Al-Kasani, op.cit, t.t., Jil 2, hlm. 59. Lihat juga Ibn. Humam, op.cit, Jil. 2, hal. 2
- ⁵⁷ Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 697.
- ⁵⁸ Al-Syawkani, **Nayl al-Authar**, op.cit, vol. 4, hlm. 202
- ⁵⁹ Yusuf al - Qardhawi, op.cit, Juz. 1, hlm. 401 – 403
- ⁶⁰ Yahya Adam, op.cit, hlm. 97
- ⁶¹ Al-'Ayni, 1972, **Umdah al - Qari Syarh al - Bukhari**, Mesir : Mustafa al - Halabi, Vol. 6, hlm. 325
- ⁶² Ibn. Qudamah, op.cit, Vol. 2, hlm. 568
- ⁶³ Abu 'Ubaid, op.cit, hlm. 492
- ⁶⁴ Ibn. Qudamah, op. cit, hlm. 650
- ⁶⁵ Ibid, hlm. 706. Lihat juga Abu 'Ubaid, op.cit, hlm. 492
- ⁶⁶ Al-Syirbini, op.cit, Jil. 1, hlm. 386. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, , Jil. 2, hlm. 706 - 710
- ⁶⁷ Al - Qastalani, t.t., **Irshad al - Sari li Syarah Sahih al-Bukhari**, Bulaq, hlm. 65
- ⁶⁸ Ibid
- ⁶⁹ Yahya Adam, op.cit, hlm. 325
- ⁷⁰ Mujaini Tarimin, op.cit, hlm. 47
- ⁷¹ Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 568. Lihat juga al-Syirazi, **al-Muhadhdhab**, op.cit, hlm. 211

⁷² Riwayat al-Jama'ah kecuali Muslim daripada Ibn. 'Umar dalam al-Syawkanī, op.cit, Jil. 4, hlm. 139

⁷³ Ibid, Riwayat Ahmad, Muslim, Nasā'i, Abu Daud katanya daripada Jabir.

⁷⁴ Al-Kasani, op.cit, Jil. 2, hlm. 62 – 63. Lihat juga al-Syirbini, op.cit, Jil. 1, hlm. 685. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, Jil. 2, hlm. 698

⁷⁵ Al-Ramli, op.cit, Jil. 3, hlm. 70. Lihat juga al - Syirbini, ibid, hlm. 194. Lihat juga Ibn. Qudamah, ibid. Lihat juga Ibn. Rushd, op.cit, hlm. 265

⁷⁶ Al-Ramli, op.cit, Jil. 3, hlm. 77. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 559

⁷⁷ Jika separuh tahun disirami dengan menggunakan perbelanjaan dan separuh lagi tidak, maka kadarnya 7.5% kerana mengambil kira kedua-duanya sekali. Namun jika salah satu daripada kaedah pengairan melebihi yang satu lagi maka kadarnya mengikut kaedah pengairan yang lebih banyak digunakan. Lihat dalam Wahbah al-Zuhaili, op.cit, Jil. 3, hlm. 1893

⁷⁸ Al - Syirbini, op.cit, hlm. 193 – 194

⁷⁹ Ibn. Rushd, op.cit, hlm. 265. Lihat juga al-Ramli, op.cit, hlm. 72-73. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 560

⁸⁰ Al-Taubah : 60. op.cit, Tafsir Pimpinan al-Rahman, hlm. 442

⁸¹ Al - Kasani, op.cit, Jil. 2, hal. 45. Lihat juga al-Syirazi, op.cit, Jil. 1, hlm. 170 – 173. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, Jil. 2, hlm. 667

⁸² Al - Syirāzi, op.cit, Jil. 1, hlm.. 170 – 173, Ibn. Qudamah, ibid, Jil. 2, hlm. 667

⁸³ Wahbah al - Zuhaili, op.cit, Juz. III, hlm. 1985

⁸⁴ Ibid

⁸⁵ Ibn. 'Abidin, 1966, **Hasyiah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar**, t.t., Jil. II, hlm. 27 dan seterusnya; Lihat juga Al - Nawawi, op. cit, **al - Majmu'**, Jil. 5, hlm. 341 dan 454. Lihat juga al-Kasani, op.cit, Jil.2, hlm. 148. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, hlm. 678-679

⁸⁶ Ibid

⁸⁷ Ibid

⁸⁸ Al-Kasāni, op.cit, Jil. 2, hlm. 25. Lihat juga Ibn. Humam, op.cit, , Jil. 1, hlm. 507

⁸⁹ Ibn. Rushd, op.cit, Jil. 1, hlm. 260. Lihat juga al-Syirāzi, **al-Muhadhdhab**, op.cit, hlm 143. Lihat juga al-Nawawi, op.cit, hlm. 401. Lihat juga al - Ansāri, op.cit, hlm. 95. Lihat juga Ibn. Qudamah, op.cit, Jil. II, hlm. 65-66

⁹⁰ Riwayat Abu Daud dan Ibn. Majah, dalam al-Syawkāni, op.cit, Jil. 4, hlm. 152

⁹¹ Ibid

⁹² Wahbah al - Zuhaili, op.cit, Jil. 3, hlm. 1939